

Penggunaan Bahan Komponen Sastera Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu
The Use of literature Components In Teaching and Learning of Malay Language

Abdul Rasid Bin Jamian,
rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Received: 10 May 2023; Published: 30 June 2023

Cite this article (APA) as:

Jamian, A. R. (2023). Penggunaan Bahan Komponen Sastera Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(1), 89 - 99. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/176>

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keperluan penggunaan bahan komponen sastera (KOMSAS) dalam pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat. Tumpuan kajian kepada persepsi murid-murid terhadap penggunaan bahan KOMSAS, strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran KOMSAS dan masalah yang timbul semasa pembelajaran KOMSAS. Seramai 120 murid Tingkatan 4 dari Sekolah Menengah Tinggi Chung Hua, Seremban telah dipilih sebagai sampel kajian. Data kajian ini diperolehi secara kuantitatif iaitu dengan menggunakan set soal selidik skala likert 5 aras. Data dianalisis menggunakan perisian "SPSS" statistik Versi 17.0 bagi menganalisis penanda tahap bagi min dan sisihan piawai sama ada mencapai tahap tinggi, sederhana atau rendah. Di samping itu juga, data ditunjukkan menggunakan frekuensi dan peratusan mengikut item-item tertentu. Hasil kajian menunjukkan bahawa murid yang berusia lingkungan 16 dan 17 tahun dalam Tingkatan 4 didapati kurang atau tidak berminat dalam mempelajari bahan KOMSAS kerana faktor-faktor tertentu. Pola minat murid terhadap KOMSAS menunjukkan bahawa murid hanya meminati genre tertentu sahaja dalam teks KOMSAS seperti cerpen. Namun, murid masih inginkan bahan KOMSAS dimasukkan dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu kerana terdapat pelbagai nilai dan pengajaran yang boleh dipelajari oleh mereka. Kajian mendapati guru kurang peka terhadap keperluan memilih strategi dan aktiviti yang sesuai sehingga mengehadkan penglibatan murid di dalam kelas walaupun bahan bantu mengajar (BBM) berkonsepkan bestari digunakan sepenuhnya oleh guru.

Kata Kunci: Bahan bantu mengajar, Komponen Sastera, Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, Pencapaian, Motivasi.

ABSTRACT

This study was conducted to identify the needs of the use of teaching and learning of Literature in Malay Form Four. The studies focus on students' views or perceptions of the use of Literature, the strategies used by teachers in the teaching of Literature and the problems that arise during the teaching and learning of Literature. A total of 120 Form 4 students from Chung Hua High School Seremban were chosen as the sample. Data were obtained quantitatively by using Likert scale questionnaire 5 levels. Quantitative data was analysed using the software "SPSS" statistical version 17.0 to see the level indicator for the mean and standard deviation of a high level, medium or low. Data are also presented using frequencies and percentages according to certain items. The results showed those students, between 16 and 17 years in the Form 4 is less or no interest in learning of Literature for certain factors. A pattern of students' interest towards Literature shows that students are only interested in specific genres such as short stories in Literature text. However, students still

want to be included in the Literature of the Malay language syllabus because there are many values and lessons to be learned. The study found that teachers are less sensitive to the needs of selecting appropriate strategies and activities to limit student participation in class even though the concept of smart teaching aids utilized by teachers.

Keywords: teaching aids; Components of Arts; teaching and learning Malay Language; achievement; Motivation.

PENGENALAN

Penggunaan bahan komponen sastera (KOMSAS) dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu telah diperkenalkan pada Mac 2000 setelah disemak semula selepas digunakan selama hampir 10 tahun berdasarkan penggubalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada 1987. Sukatan pengajaran dan pembelajaran KOMSAS sekali lagi mengalami perubahan pada 2010 dari segi pemilihan teks antologi dan novel yang digunakan dalam sukatan pelajaran Tingkatan 4. Menurut Abdul Shukor, (2000) dalam kajian Mohd Rasdi (2005), penyemakan kurikulum tersebut dilakukan bagi memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan menyediakan murid bagi menghadapi cabaran pendidikan pada abad ke-21. Penyerapan bahan sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu juga merupakan strategi bijak yang menekankan pengembangan potensi anak didik secara seimbang dari segi rohani, jasmani, intelektual, dan emosi, iaitu menuntut pengisian jiwa generasi muda dengan segala unsur yang sepatutnya, termasuk sastera yang berfungsi memurnikan sifat manusia yang terdidik (Simah, 2008).

Penggunaan bahan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu KBSM ini juga dapat menggayakan dan mengukuhkan bahasa murid. Di samping menimbulkan kesedaran pelajar terhadap unsur nilai kemanusiaan secara menyeluruh melalui pembacaan bahan dan hasil kesusasteraan. Berdasarkan aspek kemahiran atau hasil pembelajaran yang harus diperoleh dalam pembelajaran Bahasa Melayu iaitu aspek kemahiran maklumat, interpersonal dan estetik, bahan KOMSAS didapati sesuai digunakan untuk pengajaran aspek kemahiran bahasa yang meliputi mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Menurut Lee Kim Hong (2006) pengajaran bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah berbeza daripada pengajaran kesusasteraan sebenar kerana tidak dikaji secara rinci tetapi sebagai bahan rangsangan sahaja ketika mengajar Bahasa Melayu.

Dalam usaha menjadikan mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai antara mata pelajaran wajib yang mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pemilihan bahan sastera yang sesuai dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah perlu agar murid yang dibentuk seimbang daripada pelbagai aspek. Penggunaan bahan KOMSAS dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu oleh guru juga perlu diberi penelitian dan tumpuan agar maklum balas positif dapat diterima oleh murid. KOMSAS juga berperanan untuk meningkatkan kesedaran pelajar terhadap karya kesusasteraan yang mengadungi pelbagai kisah moral dan sejarah bangsa (A. Halim Ali,2020:87).

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan bahan KOMSAS dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu diperingkat Menengah Atas iaitu Tingkatan 4 telah lama diamalkan bermula bahan puisi dan dilanjutkan dengan penggunaan bahan prosa. Namun, sebelum KBSM tidak ada senarai buku teks sastera yang telah dipilih dan diiktiraf oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk diguna pakai sebagai rujukan utama. Guru-guru perlu mencari bahan sastera sendiri tanpa rujukan dan ini telah menimbulkan masalah penyediaan dan kesesuaian bahan dengan matlamat pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Menurut Nik Hassan Basri (2007), berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh beliau mendapati bahawa umumnya guru Bahasa Melayu kurang jelas tentang keperluan penggunaan bahan KOMSAS dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Didapati bahawa guru yang mengajar KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mengajar kaedah yang sama seperti mengajar pelajaran Kesusasteraan Melayu tulen dan terdapat guru yang kurang yakin dalam menjalankan pengajaran KOMSAS di sekolah. Keadaan tersebut telah memberi kesan kepada murid-murid terhadap pengajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu.

Kajian ini bertitik tolak daripada terdapatnya keperluan membuat kajian untuk mengetahui persepsi murid-murid terhadap pelaksanaan KOMSAS dalam pelajaran Bahasa Melayu. Terdapat faktor yang mendorong penyelidik mengkaji tentang perlunya untuk mencapai fungsi penggunaan bahan KOMSAS dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam bilik darjah yang harus diberi pertimbangan kerana terdapat teks KOMSAS yang digunakan sebelum ini memiliki ciri-ciri negatif dari segi penyampaian, gaya bahasa dan sudut moraliti. Lantaran itu timbul keperluan bahawa persepsi murid-murid perlu diambil kira dalam menentukan kesesuaian bahasa pengarang dalam teks KOMSAS. Menurut Chew Fong Peng (2009), KOMSAS yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan dalam pengajaran Bahasa Melayu bertujuan untuk menilai pelaksanaan pendidikan sastera perpaduan dan kesannya. Namun kajian perlu dilakukan untuk mengetahui sama ada KOMSAS dapat mencerminkan realiti masyarakat kaum di Malaysia dan dapat menerapkan elemen perpaduan kaum sepertimana tujuan dan matlamat sebenar KOMSAS diperkenalkan.

Tambahan pula, strategi pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya KOMSAS masih belum meluas kerana guru sudah terbiasa dengan menggunakan kaedah konvensional dan kurang terdedah dengan penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan elektronik (Zamri dan Nur Aisyah, 2011). Pengkaedahan pembelajaran menggunakan komputer membuka ruang kepada murid meneroka pembelajaran sendiri, manakala guru pula bertindak sebagai fasilitator yang mengawal pembelajaran ketika pengajaran KOMSAS. Namun, adakah kaedah tersebut dapat menarik minat murid mengikuti pelajaran KOMSAS dan sebagai salah satu penyelesaian masalah kurang minat dan tumpuan dalam kalangan murid?

Pengajaran dan pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu menimbulkan beberapa masalah tentang situasi pembelajaran yang dianggap tidak berkesan dan kurang menarik minat murid. Proses pengajaran guru didapati tidak mampu menengahkan idea-idea tersurat dan tersirat dalam bahan-bahan sastera. Dapatan kajian Sarkauvi Maseri (2005), menunjukkan bahawa tahap pemikiran murid dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS adalah tertumpu kepada tahap rendah manakala tahap pemikiran guru didapati lebih tinggi sedikit daripada tahap pemikiran murid. Tahap pemikiran guru yang sentiasa tertumpu kepada tema-tema tertentu, iaitu tema masalah semasa, tema nilai-nilai sosial dan kemasyarakatan, tema kekeluargaan, dan tema amalan baik mengekang strategi pembelajaran guru yang seharusnya lebih kreatif dan inovatif.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan bahawa bahan KOMSAS dikatakan sesuai untuk diterapkan ke dalam sukatan pelajaran termasuk budaya hidup bagi memupuk nilai-nilai murni dalam diri murid-murid tanpa mengambil kira latar belakang mereka. Namun kajian mendapati bahawa murid-murid menghadapi masalah dalam pembelajaran KOMSAS seperti kesulitan teks, kekangan masa, kekurangan motivasi dan pendedahan sastera, kekurangan masa untuk meluahkan perasaan dan pendapat, serta pengajaran dan pembelajaran sastera yang kurang menarik (Lee Kim Hong, 2006). Keperluan bahan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu untuk melahirkan penghayatan terhadap keindahan karya-karya sastera Melayu dan merasakan keseronokan apabila murid-murid membaca karya-karya tersebut. Namun matlamat tersebut kelihatan sukar dicapai kerana terdapatnya masalah-masalah yang wujud ketika proses pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di dalam bilik darjah. Masalah yang wujud boleh merencatkan matlamat pengajaran KOMSAS dan perlu diberi perhatian oleh pihak guru sebagai pemudah cara.

Matlamat pengajaran dan pembelajaran KOMSAS sebenarnya mencerminkan harapan yang sangat tinggi untuk menghasilkan generasi yang suka membaca dan meminati seni karya warisan bangsa (Sarkauvi Maseri, 2005). Melalui penghayatan sastera, pihak penggubal kurikulum berharap dapat membina rasa bangga terhadap keindahan dan kehalusan bahasa, menguasai aspek kebahasaan dan dapat menghasilkan penulisan kreatif dalam kalangan murid-murid.

KEPENTINGAN KAJIAN

Guru mempunyai tanggungjawab yang amat penting sebagai pembimbing dan mentor kepada murid-muridnya. Sebagai guru, kepentingan terhadap murid perlu mengatasi semua kepentingan lain. Kajian ini adalah untuk melihat persepsi murid-murid sama ada mereka berminat untuk mempelajari KOMSAS atau sebaliknya. Hal ini kerana kekurangan minat dan perasaan fobia terhadap sastera akan menjadi penyumbang utama kepada kemerosotan skor markah atau prestasi murid dalam mata

pelajaran Bahasa Melayu. Keadaan tersebut turut menimbulkan masalah lain ketika sesi pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di dalam bilik darjah seperti mereka kurang memberi perhatian semasa pengajaran, pasif, tidak membuat kerja rumah dan tiada inisiatif untuk meningkatkan prestasi diri.

Selain itu, diharap melalui kajian yang dilakukan terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran guru semasa mengajar KOMSAS dapat memberi gambaran tentang perlunya guru Bahasa Melayu menguasai KOMSAS. Guru perlu prihatin bahawa tiada murid yang dikecualikan daripada mempelajari KOMSAS dan menjadi tanggungjawab guru memahami, mengenal pasti dan mampu menggunakan bahan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu secara kreatif di samping memiliki keterampilan untuk mengajar dengan yakin dalam pelbagai keadaan (Nik Hassan Basri, 2007).

Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu mengenal pasti masalah yang berlaku ekoran kesukaran dalam memahami bahan KOMSAS dan seterusnya boleh dijadikan pedoman tentang kesesuaian penggunaan pelbagai jenis strategi yang lain. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak yang terlibat dalam pendidikan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu untuk merancang, merangka, dan menyusun strategi yang bersesuaian untuk membimbing murid agar dapat meningkatkan pemahaman dan penguasaan dalam teks KOMSAS.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian merupakan sasaran-sasaran spesifik yang ingin dicapai oleh pengkaji bagi memastikan tujuan kajian dapat dicapai (Noraini, 2010). Objektif kajian yang dinyatakan dalam kajian ini dibahagikan khusus adalah untuk:

1. Mengetahui persepsi murid terhadap penggunaan bahan KOMSAS dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.
2. Mengetahui strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.
3. Mengetahui masalah yang berlaku ketika pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat deskriptif tinjauan bagi menerangkan pelaksanaan penggunaan bahan KOMSAS dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah. Menerusi kajian tinjauan, maklumat yang dikumpul digunakan untuk menghuraikan sifat atau ciri pada responden yang dikaji (A.Halim Ali, 2019:20).

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengumpulan data yang bertujuan untuk menjawab persoalan hasil daripada objektif kajian. Kajian ini merupakan kajian tinjauan di satu tempat yang melibatkan murid Tingkatan 4 sebagai responden. Kajian ini dibuat untuk mengutip maklumat tentang persepsi murid terhadap keperluan penggunaan bahan KOMSAS, strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS dan masalah-masalah yang berlaku ketika pengajaran KOMSAS. Reka bentuk kajian ini melibatkan pengumpulan maklumat secara efektif melalui penggunaan instrumen iaitu borang soal selidik skala likert 5 aras.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah harian iaitu Sekolah Menengah Tinggi Chung Hua Seremban, Negeri Sembilan. Kajian ini dijalankan di sekolah tersebut memandangkan lokasi kajian hampir dengan kedudukan tempat tinggal dan tidak mengalami sebarang kesukaran untuk membuat penyelidikan di sekolah ini kerana terdapatnya kerjasama yang kukuh daripada pihak Pengetua sekolah tersebut.

Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, sampel dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah iaitu setiap ahli dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk terpilih sebagai sampel. Menurut Noraini (2010), cara ini adalah yang terbaik untuk mendapatkan sampel daripada saiz yang besar. Dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah, merujuk Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970) dalam Sidek (2002), bagi menentukan jumlah sampel dalam kajian ini. Berdasarkan jumlah populasi murid Tingkatan 4 seramai N= 173, saiz sampel kajian terdiri daripada S= 120 orang responden. Sampel dipilih daripada 4 buah kelas yang merupakan murid Tingkatan 4 yang menggunakan bahan KOMSAS yang terkini selepas berlaku penukaran bahan teks antologi dan novel.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, penggunaan set soal selidik sebagai instrumen dalam pengumpulan data. Kebiasaannya kajian sains sosial menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang direka khas untuk mengumpul data kajian (Chua Yan Piaw, 2006). Oleh itu, dalam kajian ini, set soal selidik yang dibina terdiri daripada empat bahagian iaitu:

Bahagian A: Demografi Responden

Bahagian B: Persepsi murid terhadap penggunaan bahan KOMSAS

Bahagian C: Strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS

Bahagian D: Masalah yang berlaku semasa pengajaran KOMSAS di dalam bilik darjah

Analisis Data

Melalui maklumat yang telah diperoleh, dapatan data akan dianalisa mengikut bahagian-bahagian tertentu. Dapatan daripada borang soal selidik menggunakan skala Likert 5 aras iaitu item dibulatkan pada nombor yang disediakan. Data dianalisis menggunakan perisian "SPSS" statistik Versi 17.0 bagi melihat penanda tahap bagi min dan sisihan piawai sama ada mencapai tahap tinggi, sederhana atau rendah. Dalam kajian ini, bagi mengukur tahap min bagi setiap item yang dikaji, pengkategorian tahapnya adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tahap Min untuk Skor Item

Min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

Sumber : Durrishah Idrus (2004)

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Demografi Responden

Responden kajian terdiri daripada 120 orang murid Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Tinggi Chung Hua, Seremban. Analisis Bahagian A dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mempunyai frekuensi (*f*) dan peratusan (%). Kajian ini melibatkan 59 orang murid lelaki (49.12%) dan 61 orang murid perempuan (50.83%). Dapatan responden menunjukkan daripada murid Tingkatan 4 yang dijadikan responden, seramai 115 orang murid (95.83%) berumur 16 tahun dan 5 orang murid (4.17%) berumur 17 tahun. Dapatan juga menunjukkan hanya seramai 6 orang murid (5%) yang meminati mata pelajaran Bahasa Melayu. Bagi mata pelajaran lain, Matematik paling diminati murid sebanyak (23.33%), diikuti mata pelajaran Bahasa Inggeris sebanyak (17.5%), Prinsip Akaun

(15.83%), Bahasa Cina (15%), Seni dan Sains masing-masing (10%) dan mata pelajaran Sejarah paling tidak diminati oleh murid iaitu 4 orang pelajar (3.33%).

Persepsi Murid terhadap Penggunaan Bahan KOMSAS dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Jadual 2: Persepsi Murid terhadap Penggunaan Bahan KOMSAS dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu.

ITEM	MIN	SISIHAN PIAWAI
Saya meminati genre tertentu dalam teks antologi KOMSAS.	4.02	.49
Saya mengkaji genre tertentu yang terdapat dalam teks KOMSAS.	3.90	.56
Proses pembelajaran menjadi lebih menarik dengan penggunaan bahan KOMSAS.	3.95	.43
Saya membaca teks KOMSAS kerana terdapat laras bahasa yang pelbagai.	3.97	.51
Saya merujuk buku ulasan bagi menguasai pembelajaran KOMSAS.	4.08	.49
Terdapat pelbagai nilai yang terkandung dalam genre KOMSAS yang boleh dipelajari.	4.03	.50
Pengajaran yang terkandung dalam genre KOMSAS dapat dijadikan panduan hidup.	4.23	.60
Saya bertambah mahir mengarang kerana pendedahan KOMSAS dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu.	3.89	.58
KOMSAS perlu dimasukkan dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu kerana terdapat pelbagai genre yang menarik.	3.90	.56
Pelajar perlu didedahkan dengan bahan sastera bagi menguasai KOMSAS dalam pelajaran Bahasa Melayu.	4.01	.54
MIN KESELURUHAN	3.99	.53

Merujuk Jadual 2, skor min keseluruhan persepsi murid terhadap penggunaan KOMSAS dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu iaitu 3.99 (SP= .53) yang memperlihatkan kesemua item berada pada tahap min yang tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran yang terkandung dalam genre KOMSAS dapat dijadikan panduan hidup mencatat skor min tertinggi iaitu 4.23 (SP= .60). Ini diikuti dengan pernyataan bahawa murid merujuk buku ulasan bagi menguasai pembelajaran KOMSAS iaitu min 4.08 (SP= .49). Seterusnya pernyataan bahawa terdapat pelbagai nilai yang terkandung dalam genre KOMSAS yang boleh dipelajari menunjukkan tahap min 4.03 (SP=.50). Diikuti nilai min 4.02 (SP= .49) bagi pernyataan murid meminati genre tertentu dalam teks antologi KOMSAS. Pernyataan bahawa murid perlu didedahkan dengan bahan sastera bagi menguasai KOMSAS dalam pelajaran Bahasa Melayu min 4.01 (SP= .54) dan pernyataan murid membaca teks KOMSAS terdapat laras bahasa yang pelbagai min 3.97 (SP= .51). Pernyataan proses pembelajaran menjadi lebih menarik dengan penggunaan bahan KOMSAS pula min 3.95 (SP= .43). Pernyataan murid mengkaji genre tertentu yang terdapat dalam teks KOMSAS dan pernyataan KOMSAS perlu dimasukkan dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu kerana terdapat pelbagai genre yang menarik masing-masing min 3.90 (SP= .56). Pernyataan item yang menunjukkan min yang paling rendah ialah murid-murid bertambah mahir mengarang kerana pendedahan KOMSAS dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu dengan min 3.89 (SP= .58).

Strategi yang digunakan oleh Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS.

Jadual 3: Strategi yang digunakan oleh Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS.

ITEM	MIN	SISIHAN PIAWAI
Guru masih menggunakan kaedah tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.	3.01	.80
Guru ada menyediakan modul KOMSAS.	3.76	.77
Guru menggunakan kaedah bestari dalam pengajaran KOMSAS.	3.26	.87
Guru mengadakan aktiviti berkumpulan berdasarkan genre KOMSAS.	3.74	.94
Guru kreatif dalam membentuk bahan pengajaran KOMSAS.	3.24	.88
Guru melatih pelajar berlakon berdasarkan genre KOMSAS.	3.48	.89
MIN KESELURUHAN	3.42	.86

Berdasarkan Jadual 3, min keseluruhan bagi strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS iaitu 3.42 (SP= .86). Ini menunjukkan empat pernyataan berada pada tahap min sederhana dan dua item mencapai tahap min yang tinggi. Namun berdasarkan analisis statistik dapat diketahui bahawa tahap min keseluruhan bagi bahagian C lebih rendah sedikit jika dibandingkan dengan tahap min pada Bahagian B (rujuk Jadual 3). Pernyataan guru ada menyediakan modul KOMSAS mencatat min tertinggi 3.76 (SP= .77). Ini diikuti guru mengadakan aktiviti berkumpulan berdasarkan genre KOMSAS mencatat min 3.74 (SP= .94). Pernyataan guru melatih murid berlakon berdasarkan genre KOMSAS, guru menggunakan kaedah bestari dalam pengajaran KOMSAS dan guru kreatif dalam membentuk bahan pengajaran KOMSAS masing-masing mencatat min yang sederhana iaitu 3.48 (SP= .89), 3.26 (SP= .87) dan 3.24 (SP= .88). Pernyataan yang mencatat min yang paling rendah dan mencapai tahap sederhana sahaja iaitu guru masih menggunakan kaedah tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS iaitu min 3.01 (SP= .80).

Permasalahan dalam Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS

Jadual 4: Masalah-masalah dalam Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS

ITEM	MIN	SISIHAN PIAWAI
Saya tidak meminati KOMSAS kerana pengajaran guru membosankan.	4.14	.52
Pengajaran tidak menarik kerana guru tidak mengaplikasikan kaedah pembelajaran bestari ketika menggunakan bahan KOMSAS.	4.04	.47
Guru hanya membaca buku teks wajib KOMSAS ketika pengajaran.	3.89	.46
Guru menggantikan penggunaan bahan KOMSAS dengan buku ulasan KOMSAS kerana keterbatasan masa.	4.02	.48
Guru hanya menggunakan "Chalk & Talk" dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.	3.42	.87
Guru terpaksa menghabiskan sukatan pelajaran KOMSAS.	3.90	.49
MIN KESELURUHAN	3.91	.55

Berdasarkan Jadual 4, min keseluruhan iaitu 3.91 (SP= .55) yang turut menunjukkan bahawa hampir kesemua item berada pada tahap min yang tinggi. Pernyataan murid tidak meminati KOMSAS kerana pengajaran guru membosankan mencatat min yang tertinggi sebanyak 4.14 (SP= .52). Ini diikuti dengan min 4.04 (SP= .47) iaitu pengajaran tidak menarik kerana guru tidak mengaplikasikan

kaedah pembelajaran bestari ketika menggunakan bahan KOMSAS. Seterusnya pernyataan guru menggantikan penggunaan bahan KOMSAS dengan buku ulasan kerana keterbatasan masa mencatatkan min 4.02 (SP= .48) manakala pernyataan guru terpaksa menghabiskan sukatan pelajaran KOMSAS mencatat min 3.90 (SP= .49). Pernyataan guru hanya membaca buku teks wajib KOMSAS ketika pengajaran mencatat min iaitu 3.89 (SP= .46). Pernyataan guru hanya menggunakan "*Chalk & Talk*" dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS hanya mencatat min pada tahap sederhana iaitu 3.42 (SP= .87).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini telah menghuraikan dapatan berhubung persepsi murid, strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran KOMSAS dan masalah murid-murid semasa pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Data kajian mendapati bahawa responden kurang atau tidak berminat dalam mempelajari bahan KOMSAS. Hasil kajian menunjukkan hanya 6 orang pelajar (5%) yang meminati mata pelajaran Bahasa Melayu dan data menunjukkan murid belum menguasai kemahiran sastera sepenuhnya.

Berdasarkan dapatan berhubung persepsi murid yang menunjukkan min yang paling rendah ialah murid bertambah mahir mengarang kerana pendedahan KOMSAS dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu dengan min 3.89 (SP= .58) iaitu hanya 8 % murid sangat setuju dan jumlah 15.8% murid kurang setuju dan tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Ini bermakna murid-murid masih kurang mahir dalam mengarang karangan bentuk cerpen walaupun diberi pendedahan KOMSAS kerana aspek sastera tidak dikuasai sepenuhnya oleh mereka. Kelemahan dalam minat dan perasaan fobia terhadap bahan sastera telah menjadi penyumbang utama kepada kemerosotan prestasi dan penyertaan pelajaran dalam aktiviti pembelajaran KOMSAS di dalam bilik darjah. Dapatan ini selaras dengan hasil kajian yang diperolehi oleh Lee Kim Hong (2006) bahawa murid yang kurang berminat dengan sastera akan bersikap pasif, tidak memberi perhatian dan tidak membuat kerja rumah. Begitu juga dengan pendapat Varga. K (1979) yang mengatakan bahawa pembelajaran sastera perlu mengambil kira aspek psikologi dan sosiologi remaja yang melibatkan pertumbuhan dan perkembangan pemikiran serta emosi. Othman (1998) pula tentang tanggapan remaja terhadap sastera bahawa usia pertengahan akan menolak fantasi dan berminat dengan sesuatu yang benar-benar terjadi.

Kajian juga mendapati bahawa murid setuju bahawa mereka berminat terhadap pembelajaran KOMSAS kerana teks KOMSAS terdapat laras bahasa yang pelbagai. Namun terdapat hampir separuh daripada murid juga tidak bersetuju dengan penggunaan laras bahasa yang tinggi dalam genre KOMSAS. Merujuk kepada puisi 'Mengintai Ruang Insaf' yang dipetik dari antologi Tingkatan 4 iaitu Harga Remaja, responden menganggap puisi tersebut agak sukar difahami maksudnya kerana terdapatnya konsep yang agak kabur dan tidak jelas. Oleh hal yang demikian, teks yang dipilih sebagai bahan pengajaran perlulah mudah ditaksir maksudnya dan tidak membawa pelbagai maksud yang mengelirukan murid. Ini bertepatan dengan Henry Guntur Tarigan (1993) menjelaskan secara tegas bahawa suatu puisi tidak perlu samar kerana bukanlah kepopuleran yang merupakan tujuan utama puisi tersebut dipilih tetapi sudah cukup apabila karya tersebut jelas maksudnya bagi pembaca sasaran.

Di samping itu, pola minat murid terhadap KOMSAS dalam kajian ini menunjukkan murid-murid hanya meminati genre tertentu sahaja dalam teks KOMSAS seperti cerpen berbanding puisi, drama atau prosa tradisional. Keadaan sedemikian berlaku antaranya disebabkan segelintir murid-murid dikatakan terpaksa mempelajari KOMSAS kerana keperluan peperiksaan semata-mata dan bukannya disebabkan minat yang hakiki kerana mereka beranggapan bahawa sastera bukan merupakan kombinasi yang mempunyai nilai komersial berbanding mata pelajaran lain. Hasil kajian ini bertepatan dengan hasil kajian Mohd Rasdi (2003) yang mendapati bahawa responden dari kalangan murid bersetuju bahawa mereka berminat kerana bahan KOMSAS dapat menerapkan pelbagai pengajaran yang boleh dijadikan panduan hidup seharian. Namun, berdasarkan keputusan kajian menunjukkan bahawa murid-murid masih inginkan bahan KOMSAS dimasukkan dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu dan tidak menganggap KOMSAS membebankan mereka kerana terdapat pelbagai genre yang menarik, nilai dan pengajaran yang boleh dipelajari oleh mereka. Sebagaimana kajian Chew Fong Peng (2009), KOMSAS mampu memupuk nilai-nilai murni murid

yang berbeza agama, tradisi dan adat resam walaupun keputusan kajian beliau tidak selaras dengan pandangan murid yang dijadikan responden dalam kajiannya. Dapatan beliau mendapati bahawa KOMSAS tidak mencerminkan realiti masyarakat kaum di Malaysia dan tidak menerapkan elemen perpaduan didapati bercanggah dengan pendapat responden dalam kajian pengkaji kerana cerpen Tingkatan 4, 'Memori Seorang Tua', 'Mellisa' dan 'Biarkan Samudera' terdapat nilai perpaduan yang diterapkan dalam penceritaan dan boleh dijadikan contoh kepada murid-murid.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa min 4.01 (SP= .54) mencapai tahap tinggi bagi murid bersetuju agar mereka didedahkan dengan bahan sastera bagi menguasai KOMSAS dalam Bahasa Melayu. Ini bertepatan dengan saranan Mohd Rasdi (2003) yang mengatakan bahawa KOMSAS dapat membantu murid dalam pembelajaran bahasa terutama sekali di Barat. Beliau juga mendapati kajian-kajian penulis teks sastera dan bahasa seperti Brumfit dan Carter (1986), Carter dan Long (1991), Sage (1989), Collie dan Slater (1990), menjelaskan bahawa sastera dapat digunakan untuk meningkatkan dan menggalakkan pembelajaran bahasa. Oleh hal yang demikian, beliau bersetuju dengan pelaksanaan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang amat kena pada masanya namun pelbagai masalah yang dihadapi oleh murid dan guru perlu ditangani segera.

Dalam kajian ini, didapati guru tidak kerap menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) berkonsepkan bestari apabila min yang dicatatkan hanya mencapai tahap sederhana iaitu 3.26 (SP= .87). Hal ini kerana sekolah sememangnya menyediakan kemudahan yang cukup lengkap bagi tujuan pembelajaran berkonsepkan bestari. BBM yang digunakan oleh guru mampu menarik perhatian murid terutamanya tayangan bergambar bentuk komik. Sumber media yang digunakan oleh guru perlu menarik agar dapat membentuk daya pemikiran, kreatif dan memperkukuh persepsi murid terhadap bahan KOMSAS yang dianggap membosankan. Hasil kajian ini bersesuaian dengan pendapat Zamri Mahamod dan Nur Aisyah (2011) bahawa pengkaedahan pembelajaran menggunakan komputer membuka ruang kepada murid meneroka pembelajaran sendiri. Secara tidak langsung KOMSAS akan dapat mendedahkan murid kepada kemahiran aras tinggi agar tahap pemikiran dapat ditingkatkan.

Berkaitan dengan daya kreatif guru juga adalah penting dalam pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan bahan KOMSAS. Kajian ini juga mendapati guru menggunakan teknik kreatif dalam pengajaran KOMSAS bagi memudahkan murid lebih memahami pengajaran yang disampaikan. Dapatan kajian mendapati guru ada menyediakan modul KOMSAS telah mencapai tahap min yang tertinggi bagi strategi yang digunakan oleh guru iaitu 3.76 (SP= .77) menunjukkan terdapatnya strategi yang berbeza telah diaplikasikan. Pada masa yang sama aktiviti berkumpulan dan berlakon atau main peranan digunakan oleh guru sebagai usaha menarik minat murid. Minat dan kesungguhan guru mencipta teknik pengajaran yang kreatif, sesuai dan mudah dilaksanakan akan dapat mempercepat proses penghayatan murid. Bimbingan dan galakan daripada guru amat penting agar dapat memberi dorongan kepada murid-murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti bilik darjah.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru hanya mencapai tahap sederhana dalam mencipta bahan pengajaran KOMSAS yang kreatif iaitu hanya mencapai tahap min 3.24 (SP= .88). Menurut N.S. Rajendran (2000), guru yang mengajar KOMSAS perlu mempunyai ciri-ciri tertentu iaitu peka terhadap minat dan keperluan murid, sanggup melibatkan murid secara kreatif, aktif dan bersedia membawa wacana kelas mencapai aras tinggi. Beliau mengatakan bahawa KOMSAS dapat mendedahkan murid kepada kemahiran berfikir aras tinggi. Seseorang guru perlu mengubah cara pengajarannya agar murid dapat melibatkan diri secara aktif, memberikan masalah yang mencabar dan menyokong usaha pelajar untuk mengubah sesuatu agar pembelajaran tidak bersifat statik. Justeru, kajian ini juga mendapati bahawa guru kurang peka terhadap keperluan memilih strategi dan aktiviti yang sesuai. Guru seharusnya menggabungkan pengajaran mereka dengan kebolehan semula jadi murid iaitu contoh, penerangan atau penjelasan yang disampaikan oleh guru adalah sesuatu yang dekat dengan mereka atau pengalaman pelajar itu sendiri supaya lebih mudah difahami.

Sehubungan analisis masalah murid-murid semasa pengajaran dan pembelajaran KOMSAS mendapati bahawa mereka tidak meminati KOMSAS kerana pengajaran guru membosankan. Responden bersetuju bahawa guru mereka hanya membaca buku teks wajib dan ulasan KOMSAS sahaja kerana keterbatasan masa mengajar dan terpaksa menyelesaikan sukatan pelajaran. Sebenarnya, guru dan teknik pengajaran merupakan aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. Guru yang mengajar dengan baik dapat mengubah persepsi pelajar terhadap

sesuatu mata pelajaran. Walaupun dapatan kajian menunjukkan bahawa guru ada yang mengajar menggunakan kaedah bestari dan tidak lagi menggunakan 'Chalk & Talk' tetapi masih gagal menarik minat murid. Di samping itu, dapatan kajian tentang teknik membaca buku teks wajib KOMSAS bersama pelajar ketika pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di dalam bilik darjah yang mencatat min 3.89 (SP= .46) mencapai tahap tinggi adalah bersesuaian dengan kajian Lee Kim Hong (2006) yang menggalakkan murid membaca bagi menghayati dan mengamati teks sastera. Namun yang menjadi permasalahan apabila murid tidak diberi peluang membaca secara kuat secara bergilir-gilir melainkan guru itu sendiri yang membaca dan menerangkan teks bacaan KOMSAS yang diajar. Teknik ini menyebabkan murid berasa bosan kerana kurangnya penyertaan mereka dalam aktiviti pembelajaran. Walaupun guru ada menerangkan jalan cerita dalam bahasa Cina bagi mengukuhkan pemahaman mereka yang lemah, tetapi teknik tersebut membataskan peluang pelajar untuk bersuara dan terlibat dalam aktiviti yang dijalankan.

Berdasarkan dapatan kajian ini masih terdapat guru sentiasa memberi tumpuan kepada peperiksaan dan mendapati guru menyediakan latihan menggunakan format peperiksaan tanpa mengambil kira tahap keupayaan murid yang berbeza-beza dalam kelas yang sama. Dapatan menunjukkan tahap min yang tinggi iaitu 3.90 (SP= .49) bagi pernyataan guru terpaksa mengejar sukatan pelajaran KOMSAS menunjukkan kekangan masa mendorong guru menumpukan pengajaran berdasarkan keperluan peperiksaan. Berdasarkan kajian Seman (2007) dan Zulkifley (2005) menjelaskan kaedah pengajaran yang menggunakan format peperiksaan akan memberi kesan kepada situasi pengajaran dan pembelajaran ekoran kurangnya aktiviti yang dijalankan sehingga murid-murid kurang diberi peluang untuk memberi maklum balas secara aktif. Keadaan ini juga menghadkan penglibatan murid di dalam bilik darjah dan kesan yang paling ketara kepada murid yang lemah ekoran tidak menerima hasil pembelajaran yang diharapkan.

RUMUSAN

Penggunaan bahan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 4 amat bertepatan dengan matlamat yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia walaupun terdapat masalah yang dihadapi oleh guru dan murid dalam proses penyesuaian dan pengukuhan sebagai salah satu teras dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini sebenarnya telah memperlihatkan sebilangan kecil daripada pola permasalahan yang wujud setelah pelaksanaan KOMSAS hampir 11 tahun sejak tahun 2000. Dalam keadaan yang sebenar, tidak terdapat satu kaedah yang dianggap lengkap mampu dilakukan oleh guru untuk melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Guru perlu bijak menyesuaikan pengajaran dengan persekitaran pembelajaran pelajar dan banyak bergantung kepada kreativiti guru untuk mempelbagaikan strategi mengajar, sesuai dengan tahap kebolehan pelajar. Walaupun kajian ini tidak menggambarkan populasi murid-murid Tingkatan 4 yang mempelajari bahan KOMSAS dalam Bahasa Melayu namun, guru dan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia perlu mengambil kira aspek-aspek yang tertentu agar masalah yang dialami oleh murid-murid dapat diatasi. Diharap dapat menjadi pencetus ilham kepada warga pendidik untuk memperbaiki strategi pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.

RUJUKAN

- A. Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang: MZ Edu Publications
- A. Halim Ali (2020) *Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia: Sejarah-Perkembangan-Kebolehpasaran*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- Chew Fong Peng (2009). "Pendidikan sastera perpaduan menerusi KOMSAS Tingkatan 4: Pelaksanaan dan kesannya." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34 (2): 15-31. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Durrishah Idrus. (2004). *Kajian kesedaran staff UTM terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Henry Guntur Tarigan. (1993). *Prinsip-prinsip dasar sastera*. Indonesia: Angkasa Bandung.

- Lee Kim Hong (2006). "Pengajaran dan pembelajaran sastera dalam sukatan pelajaran Pengajian Cina KDPM." *Jurnal Pendidikan*. Seremban: Maktab Perguruan Raja Melewar.
- Mohd Rasdi Saamah. (2005). "Pelaksanaan KOMSAS dalam pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah: Satu tinjauan." *Jurnal Pendidikan*. Jabatan Pengajian Melayu, Institut Perguruan Tengku Ampuan Afzan.
- Nik Hassan Basri Nik Abdul Kadir. (2007). "Kewajaran pengajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu." *Jurnal Peradaban Melayu*, Jilid 5.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Malaysia Sdn. Bhd.
- N.S. Rajendran. (2000). "Kesusasteraan sebagai wahana mengajar kemahiran berfikir aras tinggi." *Jurnal Pendidikan*. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Othman Puteh. (1998). *Tanggapan terhadap kesusasteraan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sarkauvi Maseri. (2005). "Kajian mengenai kesatuan idea dalam dialog pengajaran dan pembelajaran bidang estetik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan empat di beberapa buah sekolah di Sabah. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. Universiti Sains Malaysia.
- Seman Salleh. (2007). "Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Kajian kes di sebuah sekolah rendah di daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur." *Jurnal IPBA*, Jilid 3: Bilangan 2. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Simah Mamat. (2008). "Keberkesanan strategi metakognisi dalam pemahaman membaca teks KOMSAS genre Prosa Tradisional." *Jurnal Pendidikan*. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Varga, K. edited: Nyiro, L. (1979). *The sociological approach to literature*. Hungary: Akademiai Kiado.
- Zamri Mahamod dan Nur Aisyah Mohamad Noor. (2011). "Persepsi guru tentang penggunaan aplikasi multimedia dalam pengajaran komponen sastera bahasa Melayu." *Gema Online Journal of Language Studies* 163, Volume 11(3). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifley Hamid (2005). *Penilaian dan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.